

# DR. M: SILAKAN MASUK UMNO

## Semua anggota PAS dipelawa

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**ALUR SETAR, Jumaat —** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, hari ini mempelawa anggota-anggota PAS menyertai UMNO.

"Kalau dulu kita menjemput PAS menyertai Barisan Nasional, sekarang kita mempelawa anggota-anggota PAS masuk UMNO," katanya.

UMNO sebagai sebuah parti Islam, sedia menerima anggota-anggota PAS, kata Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas pengengerusan mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu di Jitra, kira-kira 16 km. dari Subu Garu Ubu. Datuk Seri Dr. Mahathir ialah Ketua Bahagian itu.

Mengenal usul Dewan Pemuda PAS supaya Kerajaan menubuhkan unit 'komando Jihad' membantu perjuangan rakyat Palestin, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, saranan tersebut adalah 'hak dia'.

Secara berseloroh, beliau berkata, "Kalau dia nak pergi, kita tak larang."

Datuk Seri Dr. Mahathir sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Asun, tidak jauh dari Jitra.

Malam ini, beliau menghadiri mesyuarat Perhubungan UMNO di Mentailoon, kediaman rasmi Menteri Besar Kedah.

Katanya, beliau ingin tahu corak pimpinan PAS dan sebab-sebab Datuk Haji Mohamed Asri meletakkan jawatan sebagai Presiden parti itu sebelum ia memberi komen.

Inilah kali pertama Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, menyentuh tentang perletakan jawatan Datuk Asri, baru-baru ini.

Menurut beliau, salah satu langkah

meningkatkan pemahaman itu ialah dengan menyediakan bahan-bahan bacaan yang dapat meningkatkan pemahaman mengenai ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluan buku Khulasaah Al-Quran yang disusun oleh Ustaz Wan Ismail Wan Nawang, diterbitkan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, dan menambah, ia merupakan tanggungjawab setiap umat Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, minat dan kecenderungan umat Islam untuk mempelajari Islam semakin bertambah.

Katanya, daya usaha terhadap pemahaman ajaran Islam boleh membangunkan dan memajukan umat Islam sebagai umat yang mulia.

### Keperluan

Perdana Menteri juga menyeru agar umat Islam memetik intisari Al-Quran kerana ia mengandungi peraturan yang memandu manusia ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

"Jika dikaji dan difahami, ia ialah adalah sesuai bagi keperluan umat manusia setiap masa," tambah beliau. Oleh itu, tekannya, Al-Quran harus difahami oleh setiap umat Islam kerana cetek dalamnya keislaman seseorang bergantung kepada kefahamanannya mengenai isi dan maksud Al-Quran.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kandungan Khulasaah Al-Quran akan menjadi petunjuk kepada umat Islam dalam memunculkan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan tanahair.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Naair berkata, Khulasaah Al-Quran ini ialah intisari hikmah Al-Quran dari 114 Surah, adalah satu kaedah memahami Al-Quran.